

Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahkan Institusi Masjid: Kajian Kes Di Masjid Cemerlang Di Malaysia

MOHD RIDHUWAN BIN REMLY
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA
ridhuwanremly@yahoo.com

PROF. DR. MUHD NAJIB BIN ABDUL KADIR
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

DR. FADLAN BIN OTHMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

SITI AZIMAH BT SABARUDDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

ABSTRAK

Al-Quran dan As-sunah telah menggariskan panduan dalam mengimarahkan masjid. Peranan pengimarahkan institusi masjid terletak kepada kesungguhan dan usaha dalam kalangan pihak pengurusan masjid dan juga masyarakat untuk sama-sama berusaha kearah memakmurkan institusi masjid. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid dalam menguruskan aktiviti pengimarahkan masjid. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Data temu bual dianalisis dengan perisian Atlas.ti versi 7 dengan pembinaan cod-cod dan tema yang dipilih. Kajian ini mendapati bahawa terdapat dua cabaran utama dalam pengimarahkan masjid iaitu cabaran daripada Ahli jawatan kuasa masjid dan juga cabaran daripada masyarakat umat Islam dalam memakmurkan institusi masjid.

Kata Kunci: Masjid, cabaran pengurusan, aktiviti pengimarahkan, AJK masjid, masyarakat

ABSTRACT

The Qur'an and As-Sunnah have outlined guidelines in enlivening the mosque. The role to empower the mosque institution lies in the effort of the mosque management and the community to work together to optimize the function of the mosque institution. This paper aims to look at the challenges faced by mosque management in managing activities to enliven the mosque. This study used qualitative case study method and for this study, the researcher used a semi-structured interview method. Interview data are analyzed with Atlas.ti version 7 software with selected codecs and themes. This study found that there are two

main challenges in enlivening the mosque: the challenge of the mosque's authority and the challenges of the Muslim community in strengthening the mosque institution.

Key Words: *Mosque, management challenges, enlivening activities, AJK mosque, community*

PENGENALAN

Masjid adalah tempat yang paling dicintai oleh Allah s.w.t. Masjid merupakan syiar yang melambangkan keagungan agama Islam bermula zaman kemunculan Islam sehingga pada hari ini. Institusi masjid berperanan besar dalam mewujudkan masyarakat yang beriman, bertakwa dan cemerlang dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Selain daripada tempat suci umat Islam untuk melakukan ibadah khusus, fungsinya merangkumi pelbagai perkara penting melibatkan aktiviti kemasyarakatan umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian.

Sirah Rasulullah s.a.w. memberi pengajaran yang amat mendalam kepada umat Islam dalam membentuk masyarakat cemerlang. Kajian dan pengamatan para ulama dan sarjana yang mengamati sirah Rasulullah s.a.w. menyimpulkan bahawa terdapat tujuh langkah strategik yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam membangunkan masyarakat Madani di Madinah. Tujuh langkah strategik itu adalah: (1) Mendirikan Masjid (2) Mengikat persaudaraan antara komuniti muslim (3) Mengikat perjanjian dengan masyarakat bukan muslim (4) Membangun sistem politik (syura) (5) Meletakkan sistem dasar ekonomi (6) Membangun keteladanan pada elit masyarakat (7) Menjadikan ajaran Islam sebagai sistem nilai dalam masyarakat.

Usaha memakmurkan masjid merupakan usaha yang sangat penting. Sebuah masyarakat yang mempunyai komuniti yang berakhlak mulia, beramal soleh, rukun tetangga yang harmoni dengan nilai-nilai keislaman yang diamalkan dalam komuniti tersebut, maka masjid lah menjadi teras utama kepada nadi kedamaian hasil daripada memakmuran masjid.

KAJIAN LITERATUR

Institusi masjid dalam Islam merupakan satu tempat atau pusat perhimpunan umat Islam setempat. Ia merupakan satu institusi "*ummatik*". Yang dimaksudkan dengan *ummatik* ialah merujuk kepada kesatuan masyarakat Islam. Di sinilah berdenyutnya nadi kehidupan dan pembangunan personaliti dan kemasyarakatan umat Islam. Apabila kita merumuskan bahawa masjid sebagai pusat perhimpunan umat Islam setempat, ini bererti semua aktiviti umat Islam itu sewajarnya bergerak dan terpancar dari institusi masjid sebagainya paksinya (Khadijah&Suhailiza 2010).

Menurut Makhmud Syafi'i (t.th) Masjid Dalam Perspektif Sejarah dan Hukum menyatakan dengan terperinci konsep masjid yang sebenar melalui sejarah pembinaan masjid di zaman Rasulullah s.a.w. Secara umumnya, konsep masjid yang diarahkan oleh

Rasulullah s.a.w tidak tertakluk kepada hubungan dengan Allah semata-mata melalui ibadah khusus, malah konsep masjid dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai medan penghubung kepada masyarakat umat Islam umumnya.

Menurut beliau lagi pihak pengurusan masjid seharusnya mempelbagaikan aktiviti pengimarahannya masjid. Institusi masjid adalah pusat aktiviti sosial masyarakat yang dapat memperbaiki segala masalah sosial dikalangan masyarakat, khususnya kepada para remaja Islam. Institusi masjid hendaklah tidak ketinggalan dalam membimbing golongan sebegini dengan aktiviti ibadah am dan khusus, di samping dapat memberi ruang pergaulan baru yang lebih baik, adil, penuh kasih sayang dan ukhuwah antara remaja dengan jemaah masjid yang lain.

Sebagai pegawai *takmîr* dan pendakwah di masjid seharusnya bijak mengambil peluang yang ada untuk mendekati para remaja melalui dakwah yang berkesan. Hal ini dinyatakan oleh Azhar bin Abdul Rahman (2009) yang bertajuk *Aktiviti Pemakmuran Masjid di Samarahan: Kajian Terhadap Kemampuan Pendakwah*. Beliau memberi kebimbangan terhadap kebakuan masyarakat terhadap pengimarahannya institusi masjid, hanya golongan warga tua sahaja yang hadir ke masjid, tetapi golongan muda tidak berminat dengan institusi ini. Beliau menggariskan beberapa indikator yang perlu ada bagi setiap pendakwah semasa menyampaikan dakwah agar bersesuaian dengan pelbagai golongan masyarakat.

Antara indikator yang digariskan ialah keikhlasan dalam menyeru dan mengajak manusia ke jalan Allah, berilmu pengetahuan, tutur kata yang tidak menyakitkan *madînu*, mesra dan sikap pendakwah yang profesional dan mampu menyesuaikan diri dengan *madînu* adalah pendakwah yang terbaik dan mampu menarik minat pelbagai golongan masyarakat untuk mendekati institusi masjid. Hasil daripada kajian ini, mendapati golongan pendakwah perlu bersifat profesional dalam mengurus *mad'u* agar sasaran dakwah dapat menerima konsep dakwah yang dilontarkan kepada ahli kariah.

Memang tidak dinafikan bahawa terdapat masjid yang berusaha mengembalikan fungsi masjid dengan pelbagai aktiviti-aktiviti untuk menarik minat masyarakat untuk menjadikan masjid sebagai rumah kedua bagi masyarakat (Roslan Mohamed. 2003). Malangnya, kebanyakannya masih gagal berfungsi sedemikian rupa. Selain itu juga, kelemahan perancangan aktiviti oleh pihak pengurusan masjid salah satu faktor kepada kelesuan dan ketidakaktifan sesebuah masjid. Hal ini berlaku disebabkan oleh sikap sambal lewa dan tidak bertanggungjawab dikalangan Ahli Jawatankuasa yang dilantik. Mereka beranggapan bahawa tugas sebagai AJK masjid hanya sekadar melepaskan batuk ditangga sahaja. Fenomena ini berlaku hampir diseluruh institusi masjid terutama masjid dipinggir bandar dan kampung.

Masalah ketidakfahaman konsep institusi masjid ini bukan sahaja berlaku di kalangan masyarakat awam sahaja malah ianya juga berlaku kepada pihak pengurusan masjid. Jika perkara ini berterusan maka ianya memberi kesan buruk yang berterusan kepada institusi masjid. Ini kerana memahami konsep sebenar institusi masjid merupakan tunjang utama kearah membina dan merancang aktiviti pengimarahannya yang tersusun (Abdul Munir. 1986).

Dari sudut kerahmatan dan kemasyarakatan umpamanya, kebanyakan masjid hanya menumpukan kepada aktiviti-aktiviti bersifat keagamaan seperti solat dan juga kuliah agama sahaja.

Pihak pengurusan masjid seharusnya memiliki sifat kreatif dan inovatif dalam merancang segala aktiviti pengimarahannya. Dengan menggunakan sumber dan kepakaran yang wujud dikalangan tenaga kerja dalam organisasi, ianya mampu menjana satu perubahan kearah yang lebih sistematik dan dinamik dalam pengurusan institusi masjid terutama melibatkan aktiviti pengimarahannya. Kesefahaman dan fikrah dikalangan AJK yang dilantik perlu diselaraskan dan disepadukan untuk kecemerlangan umat dan masyarakat Islam. Perkara ini perlu diambil serius supaya fungsi masjid itu berkembang bersesuaian dengan peredaran zaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur kerana ianya sangat bersifat fleksibel dan membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat dengan lebih jelas daripada responden. Menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan kaedah ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Data temu bual yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti 7.0.

Kajian ini dijalankan di dua buah masjid yang merupakan masjid cemerlang yang telah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Pemilihan ini dinilai menggunakan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berdasarkan empat kriteria iaitu pengurusan, pengimarahannya, kemudahan prasarana dan persekitaran. Kedua-dua masjid dalam artikel ini dilabelkan sebagai M01 dan M02.

Dalam kajian ini, peserta kajian yang dipilih untuk pengumpulan data terdiri daripada pegawai JAKIM yang berperanan besar terhadap isu-isu berkaitan pengurusan institusi masjid, Pengerusi atau Nazir, Biro Pengimarahannya dan Biro Ekonomi di institusi masjid tersebut. Sepatutnya seramai tujuh orang peserta yang menyertai kajian ini, tetapi salah seorang peserta kajian di masjid M02 telah memegang dua jawatan iaitu pengerusi masjid yang juga merangkap biro pengimarahannya di masjid tersebut. Maka dengan ini seramai enam orang telah dipilih menjadi peserta kajian termasuk pegawai JAKIM bahagian pengimarahannya institusi masjid telah menyertai dalam kajian ini. Peserta kajian adalah pakar kepada perkara yang dikaji oleh penyelidik kerana mereka adalah terlibat secara langsung dalam proses menggerakkan institusi masjid.

DAPATAN KAJIAN

Cabaran pelaksanaan aktiviti ini melibatkan dua faktor utama iaitu faktor ahli jawatankuasa masjid dan juga faktor ahli jemaah. Hasil daripada temu bual yang dijalankan penyelidik dapat simpulkan seperti dalam gambar rajah di bawah.

a. Faktor AJK Masjid.

Ahli Jawatankuasa masjid juga menjadi faktor kepada kerencatan pengimarahannya institusi masjid. Walaupun terdapat sebilangan kecil pihak pengurusan dan AJK masjid bermasalah dalam organisasi ianya tutur memberi kepada perjalanan organisasi. Masalah ini timbul kerana ada dikalangan AJK masjid yang tidak menjalankan tugas dengan baik. Antara cabaran yang melibatkan AJK masjid ialah:

i. Biah/ Suasana

Masalah utama yang sering timbul ialah kerana masih ada lagi dikalangan AJK masjid yang kurang kefahaman tentang konsep institusi masjid dan tahap pemikiran mereka masih terbelakang disebabkan oleh suasana yang agak selesa sebelum ini. Hal ini dinyatakan oleh P02 yang menyatakan kebimbangannya semasa mula-mula pegang jawatan dalam institusi masjid. Beliau menyatakan pelbagai perubahan dan pembaharuan yang ingin dilaksanakan namun terdapat kekangan yang melibatkan biah dan suasana yang wujud di masjid. Antara kekangan yang dihadapi oleh beliau ialah tahap pemikiran dan suasana di institusi masjid yang masih lagi berada ditakut lama.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Faktor Biah/suasana)

Code: Biah/Suasana {1-0}

P 2: PENERUSI MASJID.docx - 2:19 [Seperti yang saya katakan tadi..] (51:51) (Super)

Codes: [Biah/Suasana - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Seperti yang saya katakan tadi, bila mula-mula saya pegang jawatan dalam masjid ni, macam-macam saya nak buat. Pelbagai perubahan yang kita nak buat, tapi banyak kekangan terutama biah dan suasana yang ada di masjid ni. Suasana yang mana dikalangan AJK sendiri yang masih lagi pemikiran mereka yang agak terbelakang sikit.

ii. Elaun/Gaji

Menurut P02 dan P05 pula, antara cabaran dalam pelaksanaan aktiviti dan program pengimarahannya institusi masjid ialah berkaitan dengan elaun dan gaji dikalangan pihak pengurusan masjid dan juga AJK masjid. Bagi P02, elaun atau gaji merupakan satu kekuatan untuk mendorong seseorang itu melakukan kerja dengan sebaiknya. Tanpa ada apa-apa bayaran sedikit sebanyak memberi kesan kepada komitmen terhadap cara pekerjaan. P02 memberi contoh kepada cara pengurusan masjid di Singapura yang mana institusi masjid di sana memberi elaun dan gaji yang tinggi kepada mereka yang memegang jawatan di institusi masjid.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Elaun/Gaji)

Code: Elaun/Gaji {2-0}

P 2: PENERUSI MASJID.docx - 2:11 [Begitu juga dengan gaji Imam d..] (48:48) (Super)

Codes: [Elaun/Gaji - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Begitu juga dengan gaji Imam dan pengerusi masjid serta AJK yang lain, isu gaji yang sedikit ini juga merupakan faktor kepada komitmen kita di masjid ini. Walaupun semua pekerja kita terutama AJK masjid ni secara sukarela, namun ianya sedikit sebanyak memberi kesan kepada tahap komitmen para AJK terhadap tugas yang diberikan. Sebagai contoh elaun atau gaji imam masjid di singapura sangat tinggi, mereka boleh komitmen 100% kepada institusi masjid

Bagi P05 pula, masjid M02 memberi sedikit elaun kepada AJK masjid yang mendapat lantikan oleh masjid. Ini bagi menghargai kerana kesanggupan para petugas meluangkan masa dan tenaga untuk melaksana dan merancang aktiviti pengimarahannya institusi masjid. Namun menurut beliau, elaun dan gaji yang rendah ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada komitmen mereka untuk melaksanakan tugas.

P 5: PENERUSI MASJID.docx - 5:11 [Kita bayar juga kepada pekerja..] (33:33) (Super)

Codes: [Elaun/Gaji - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Kita bayar juga kepada pekerja kita terutama dikalangan AJK lantikan masjid ni sedikit elaun lah, ianya tanda kita menghargai tugas yang mereka laksanakan.. tapi itulah, elaun dan gaji yang sikit ni bagi kesan juga lah kepada komitmen mereka. Kita tak salahkan mereka la. Kita nak bagi banyak pun tak mampu

iii. Sukarelawan

Menurut P02, P04 dan P05, antara sebab ada dikalangan AJK masjid kurang memberi komitmen ialah kerana mereka hanya berkerja secara sukarelawan sahaja di institusi masjid. Ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada perjalanan sesuatu aktiviti dan perancangan aktiviti kadang-kala terbantut di sebabkan mereka mempunyai komitmen lain.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Sukarelawan)

Code: Sukarelawan {3-0}

P 2: PENERUSI MASJID.docx - 2:2 [AJK yang bertugas kat sini ada..] (48:48) (Super)

Codes: [Sukarelawan - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

AJK yang bertugas kat sini adalah secara sukarela. Walaupun ada dikalangan AJK yang memberi komitmen namun ada juga yang tak bagi komitmen sebab mereka hanya sukarela sahaja. Jadi ianya memberi kesan juga lah kepada perancangan aktiviti.

Menurut P04 pula, apa yang menyedihkan ada dikalangan AJK lantikan masjid ini memandang rendah dan tidak berusungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas yang

diamanahkan. Ini kerana mereka hanyalah berkerja secara sukarelawan sahaja dan mempunyai komitmen lain.

P 4: BIRO EKONOMI.docx - 4:3 [Sebab ada di kalangan AJK masjid..] (48:48) (Super)

Codes: [Sukarelawan - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Sebab ada di kalangan AJK masjid pandang rendah dan tidak bersungguh dengan jawatan yang dipegang, sebab secara sukarela. Ini punca mereka tidak serius dalam melaksanakan tugas.

Menurut P05, untuk menjadi AJK masjid seharusnya mempunyai jiwa masjid dan sentiasa berada di masjid. Ini kerana mereka perlu berada di masjid pada setiap masa. Namun begitu oleh kerana jawatan AJK masjid ini hanyalah sukarela sahaja tidak ramai dikalangan masyarakat berminat dengan jawatan ini. Oleh sebab itu pihak pengurusan masjid terpaksa menyediakan sedikit elaun sebagai tanda menghargai sumbangan mereka.

P 5: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 5:5 [tu antaranya, sebab nak jadi..] (74:74) (Super)

Codes: [Sukarelawan - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

tu antaranya, sebab nak jadi AJK masjid ni sebenarnya dia kena ada jiwa masjid, kalau dia tak ada jiwa masjid,ni susah,.dia nak abiskan masa dia disini, nak mesyuarat sampai malam, sebab mereka ni sukarela sahaja, kadang-kadang komitmen tu kurang sedikit lah...balik kerja datang masjid untuk meting, kadang-kadang malam meting semua AJK kerja lain kan...

iv. Percanggahan Idea

Sememangnya dalam sesebuah organisasi terdapat percanggahan pendapat antara AJK masjid. Menurut P02, P03, P04, P05 dan P06 sememangnya dalam organisasi masjid wujud percanggahan idea dan pendapat antara AJK masjid dalam merangka dan merancang program dan aktiviti masjid. Menurut P02, percanggahan idea ini biasanya berlaku di dalam mesyuarat untuk merancang aktiviti masjid.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Percanggahan Idea)

Code: Percanggahan Idea {5-0}

P 2: Pengerusi Masjid.docx - 2:7 [Ada juga dikalangan AJK kita s..] (55:55) (Super)

Codes: [Percanggahan Idea - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Ada juga dikalangan AJK kita sampai bergaduh, maknanya bergaduh masa meting je lah, sebab masing-masing ada idea, ada cadangan. Itu biasalah kan.

Menurut P03 dan P06 beliau menyatakan bahawa kadang-kala terdapat begitu banyak percanggahan idea dan pendapat dikalangan AJK masjid. Ini menyukarkan ahli-ahli mendapat kata putus dan ianya merencatkan perjalanan program dan aktiviti yang dirancang. Menurut beliau lagi terdapat juga program dan aktiviti yang dirancang terpaksa ditangguhkan kerana tiada kata putus yang jelas.

P 3: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 3:7 [Perselisihan pandangan pun wuj..] (40:40) (Super)

Codes: [Percanggahan Idea - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Perselisihan pandangan pun wujud dalam nak rangka program tu, itu biasalah, kena bincang elok-elok dan ambil kata sepakat lah. Kadang-kadang terlalu banyak percanggahan idea ni boleh membawa kesan kepada perancangan aktiviti dan program yang akan dilaksanakan. Masing-masing tak nak mengalah, bahaya juga kan. Kadang kala ada terpaksa kita tangguh program tersebut sebab tak ada kata putus.

P 6: BIRO EKONOMI.docx - 6:2 [Ada juga idea yang pelbagai me..] (33:33) (Super)

Codes: [Percanggahan Idea - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Ada juga idea yang pelbagai mencetuskan ketidakfahaman semasa perbincangan diadakan. Sukar nak ambik keputusan.

Menurut P04, percanggahan idea ini biasanya berlaku ketika mesyuarat diadakan bagi merancang aktiviti tahunan (SKT). Dalam merancang program terdapat pandangan yang diterima dan ada pandangan yang ditolak. Perbincangan yang panjang akan tercetus pelbagai idea yang pelbagai ini biasanya akan mencetuskan suasana yang begitu getir dalam memilih aktiviti dan program yang sesuai untuk dilaksanakan.

P 4: BIRO EKONOMI.docx - 4:9 [Seterusnya berkaitan dengan sa..] (42:42) (Super)

Codes: [Percanggahan Idea - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Seterusnya berkaitan dengan salah faham dan idea yang berbagai-bagai masa nak rangka program tu sangat ketara lah, sebab kita nak pilih dan cari program terbaik..pergaduhan tu biasalah kan. Ini yang paling pening ni, sebab kita nak buat SKT untuk setahun kan, kena rancang betul-betul.

v. Tidak Sistematis

Percanggahan idea yang berlebihan sehingga sukar untuk mendapatkan keputusan yang terbaik akan membawa kepada perancangan yang tidak sistematis. Ini disebabkan oleh sikap terburu-buru dalam merancang aktiviti. Hasilnya program yang dianjurkan itu tidak mendapat sambutan daripada ahli jemaah. Hal ini dinyatakan oleh P02 yang menyatakan kesilapan yang dilakukan oleh pihak pengurusan masjid.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Tidak Sistematis)

Code: Tidak Sistematis {3-0}

P 2: Pengerusi Masjid.docx - 2:18 [Ada juga kita salah buat progr..] (36:36) (Super)

Codes: [Tidak Sistematis - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

Ada juga kita salah buat program, sebab bagi kita program yang nak buat tu bagi kami penting, tapi tiada sambutan daripada masyarakat, bila kita tengok dan chek balik rupanya ahli jemaah tak berapa minat.

Bagi P05 pula, perancangan dan sistematik akan membawa kepada kesan negatif kepada pihak pengurusan masjid. Beliau memberikan contoh program yang dilaksanakan pada malam bulan Ramadhan iaitu program kacau dodol yang dianjurkan oleh pihak masjid yang mana program tersebut mendapat kritikan daripada ahli jemaah. Hal ini disebabkan oleh mengganggu jemaah sedang bertarawih dan bertadarus serta ada dikalangan pekerja-pekerja yang tidak solat terawih kerana sibuk mengacau dodol.

P 5: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 5:11 [tapi kita buat sebab kita mera..] (15:15) (Super)

Codes: [Tidak Sistematik - Family: FAKTOR AJK MASJID]

No memos

terbaru kita buat program kacau dodol, perkampungan dodol, kita buat pada malam, malam ramadhan, yang mana ketika itu sebagaimana kita maklum malam ramadhan ada terawih ada apa tadarus, kita buat di sebelah tapak masjid kita ni, dengan harapan kita, sebab disini kita kena tengok, ramai yang marah, complain..memang kita akui itu kesilapan kita. Buat program tidak kena dengan masa.

Faktor ahli jawatankuasa masjid yang dibincangkan diatas merupakan cabaran yang dilalui oleh oleh pihak pengurusan masjid dalam merangka dan merancang aktiviti dan program pengimarah di institusi masjid M01 dan M02. Penyelidik mendapati cabaran yang timbul disebabkan oleh faktor AJK masjid perlu ditangani dengan sebaiknya oleh pihak tertinggi pihak pengurusan masjid supaya perancangan aktiviti dan program pengimarah institusi masjid berjalan dengan sebaiknya.

b. Faktor Ahli Jemaah

Memang tidak dinafikan pelbagai program yang diatur oleh institusi masjid M01 dan M02. Namun begitu terdapat juga cabaran yang terpaksa dilalui oleh pihak pengurusan masjid yang melibatkan ahli jemaah. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati beberapa cabaran yang melibatkan ahli jemaah, iaitu:

i. Kefahaman Masyarakat

Dalam melaksanakan program pengimarah institusi masjid, isu kefahaman dikalangan masyarakat dan ahli jemaah merupakan satu cabaran yang cukup besar yang terpaksa dihadapi oleh pihak pengurusan masjid. Menurut P02, pada peringkat awal masyarakat berpandangan bahawa institusi masjid hanyalah tempat untuk ibadah sahaja. Bagi mereka apa sahaja program yang tiada kaitan dengan ibadah tidak perlu dianjurkan oleh masjid.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Kefahaman Masyarakat)

Code: Kefahaman Masyarakat {5-0}

P 2: Pengerusi Masjid.docx - 2:9 [Pada peringkat awal agak sukar..] (41:41) (Super)

Codes: [Kefahaman Masyarakat - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Pada peringkat awal agak sukar untuk masyarakat menerima rancangan aktiviti dan program yang kita laksanakan. Yang mendapat sambutan hanya program kuliah-kuliah sahaja. Program lain seperti kem motivasi, kelas tuisyen, kem remaja ke

mereka seolah-olah tidak dapat menerima dengan sebaiknya, ada suara-suara yang tak puas hati, Perubahan-perubahan atau program yang kita nak buat kadangkala dimarahi oleh ahli kariah dan mereka tidak setuju. Contoh kita nak buat program motivasi bagi pelajar sekolah ada diantara kita yang marah sebab bagi mereka ini bukan tugas masjid..

Bagi P03 pula, isu kefahaman ini biasanya dari golongan orang-orang tua. Ini kerana bagi mereka pelaksanaan program yang tiada kaitan dengan ibadah tidak perlu dilaksanakan di masjid. P03 memberi contoh apabila pihak pengurusan masjid melaksanakan program remaja seperti perlawanan futsal dan perkhemah remaja, ianya tidak dipersetujui oleh orang tua.

P 3: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 3:6 [Begitu juga dengan orang tua k..] (36:36) (Super)

Codes: [Kefahaman Masyarakat - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Begitu juga dengan orang tua kebanyakan program yang kita anjurkan program yang terkini, kita buat pembaharuan, contohnya kita buat permainan futsal, perkhemah remaja, kadang-kadang orang tua ni tak barapa nak setuju dengan program seperti ini sebab bagi mereka masjid hanya tempat solat, tempat belajar agama sahaja. Ini masalah yang kita hadapi.

Bagi P05 pula, isu ketidakfahaman ini sebenarnya memerlukan kepada masa yang agak lama untuk menyakinkan masyarakat dan ahli jemaah tentang perubahan-perubahan yang dilaksanakan oleh institusi masjid.

P 5: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 5:6 [kita nak ubah masyarakat ni m..] (23:23) (Super)

Codes: [Kefahaman Masyarakat - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

kita nak ubah masyarakat ni memerlukan masa yang agak lama. Benda yang paling penting sekali ialah bergantung kepada kesedaran masyarakat dan ahli jemaah sendiri, kesedaran kepada perubahan, sebab masih lagi menebal kefahaman terutama golongan tua dan berumur untuk kita buat perubahan, biasanya golongan ini yang sentiasa membantah, tak puas hati tentang apa-apa pembaharuan yang kita nak lakukan. Mereka seolah-olah takut untuk berubah dalam memahami konsep institusi masjid,

ii. Tidak Hadir Masjid

Ada dikalangan masyarakat umat Islam yang berada di kawasan masjid tidak pernah hadir ke masjid samada untuk menunaikan solat dan juga mengikuti program dan aktiviti pengimarah masjid. Hal ini menyukarkan pihak pengurusan masjid menyampaikan maklumat-maklumat terkini berkaitan dengan perkembangan institusi masjid samada berbentuk bantuan untuk manfaat ahli kariah dan juga program pengimarah.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Tidak Hadir Masjid)

Code: Tidak Hadir Masjid {2-0}

P 4: BIRO EKONOMI.docx - 4:5 [Cabaran yang kita perlu lalui ..] (19:19) (Super)

Codes: [Tidak Hadir Masjid - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Cabaran yang kita perlu lalui ialah sukar nak bagi penerangan dan kefahaman kepada masyarakat kerana mereka tidak pernah hadir ke masjid. Yang hadir orang yang sama je. Apa-apa maklumat tak sampailah, kita nak bagi sumbangan ke, atau apa-apa perkembangan terbaru, jadi maklumat tu tak sampailah sebab tak hadir...

iii. Memilih Program

Tidak semua program yang dianjurkan oleh pihak institusi masjid mendapat sambutan daripada ahli jemaah dan masyarakat. Menurut P03 dan P04 ahli jemaah biasanya memilih aktiviti dan program yang dianjurkan oleh masjid melalui minat mereka sahaja.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Memilih Program)

Code: Memilih Program {5-0}

P 3: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 3:3 [Jemaah kita banyak memilih pro..] (29:29) (Super)

Codes: [Memilih Program - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Jemaah kita banyak memilih program, kalau sedap ada sambutan, kalau tak, mereka tak datang. Mana-mana tempat pun bagi saya macam tu...bagi saya ia melibatkan kesedaran daripada ahli jemaah lah. Kalau yang rajin ke masjid, apa-apa program pun dia akan datang,

Menurut P04 lagi, kebanyakan ahli jemaah lebih suka kepada program yang santai dengan pengisian yang tidak berat seperti ceramah agama yang padat dengan pengisian agama sahaja tanpa diselitkan dengan aktiviti-aktiviti lain. Namun begitu jika ada penceramah-penceramah dikalangan selebriti mereka lebih minat untuk hadir dan mengikuti kuliah atau tazkirah yang disampaikan oleh penceramah tersebut.

P 4: BIRO EKONOMI.docx - 4:6 [Kadang-kadang para Jemaah memilih pro..] (28:28) (Super)

Codes: [Memilih Program - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Kadang-kadang para jemaah memilih program, kalau program yang santai, penceramah hebat-hebat terutama penceramah selebriti baru lah penuh masjid. Maknanya aktiviti yang kita nak anjur ni mesti kena dengan selera jemaah. Itu kita kena fikir dan sentiasa membuat pembaharuan atas program-program yang ingin dilaksanakan.

Malah ada juga dikalangan ahli jemaah yang hanya datang program dan aktiviti masjid apabila program tersebut bersifat besar seperti forum perdana kerana ada siaran langsung daripada television dan ada juga yang datang kerana disediakan makanan.

P 5: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 5:8 [ada juga ahli jemaah kita yang..] (36:36) (Super)

Codes: [Memilih Program - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

ada juga ahli jemaah kita yang memilih program, program yang best-best, ada

makan percuma, baru dia datang,,kan...ada macam ni..ada juga orang tak datang langsung program, dia datang solat je,program masjid tak pernah datang,,yang macam ni pun ada..ada juga datang program yang dia minat je,,contoh, kalau forum perdana..dia datang, sebab nak masuk tv..

iv. Tidak Berminat

Menurut P04, penyertaan ahli jemaah terhadap aktiviti dan program pengimarahannya yang dianjurkan oleh pihak institusi masjid bergantung kepada minat ahli jemaah. Tidak semua program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mendapat sambutan daripada orang ramai terutama ahli jemaah.

Contoh Data Temu bual Cabaran Pelaksanaan Aktiviti (Tidak Berminat)

Code: Tidak Berminat {2-0}

P 4: BIRO EKONOMI.docx - 4:12 [kadang-kadang cabaran ini datangnya ..] (38:38) (Super)

Codes: [Tidak Berminat - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Kadang-kadang cabaran ini datangnya dari ahli jemaah lah, kita buat pelbagai program nak tarik minat mereka tapi tak datang, sebab tak minat dengan program yang kita anjur. Tapi kita sabar lah...

Menurut P06 pula, walaupun terdapat program yang dianjurkan oleh pihak masjid tidak mendapat sambutan daripada ahli jemaah. Namun pihak pengurusan masjid meneruskan program untuk tahun seterusnya dengan melakukan perubahan samada perubahan dari sudut pengisian dan juga lain perubahan yang boleh menarik minat mereka.

P 6: BIRO EKONOMI.docx - 6:6 [Ada juga yang program tak dapa..] (25:25) (Super)

Codes: [Tidak Berminat - Family: FAKTOR AHLI JEMAAH]

No memos

Ada juga yang program tak dapat sambutan. Biasanya sebab ahli Jemaah tak minat, kita terpaksa buat pembaharuan lah terhadap program tersebut, bagi mereka minat. Kalau tak ada sambutan juga kita terpaksa buang program tersebut dan tidak akan dilaksanakan pada tahun seterusnya.

PENUTUP DAN CADANGAN

Institusi masjid perlu diperluaskan fungsinya sebagai penggerak utama dalam kehidupan sosial masyarakat. Dalam erti kata menjadikan institusi masjid sebagai pusat sosial dalam kehidupan masyarakat. Peranan pihak pengurusan masjid seharusnya memberi komitmen yang jelas dalam memasyarakatkan institusi masjid. Memasyarakatkan institusi masjid boleh diterjemah melalui penganjuran aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Aktiviti dan program yang dianjurkan bukan sahaja berlegar di dewan solat semata-mata, malah ruang lingkup fungsi institusi masjid melangkaui segenap kehidupan masyarakat. Dengan berlatarbelakangkan masyarakat yang pesat membangun, pihak pengurusan masjid perlu bergerak secara proaktif agar sentiasa relevan dengan perubahan semasa. Selain itu juga sebagai AJK masjid yang

menguruskan institusi masjid seharusnya mempunyai komitmen yang tinggi serta sentiasa berusaha dengan sebaiknya dalam meningkatkan prestasi institusi masjid. Begitu juga dengan masyarakat umat Islam seharusnya sama-sama menyumbang kepada pembangunan pengimarahannya institusi masjid.

Rujukan

- Abdul Munir Yakob, 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*. UKM Bangi, Selangor.
- Khadijah Bt Othman & Suhailiza Bt Md, Hamdani, 2010. Masjid Sebagai Tunjang Aktiviti Sosial Masyarakat Islam: Satu Cadangan Konsep Pelaksanaan. *Journal ILIM, Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Percetakan Nasional Malaysia Berhad*.
- Muhammad Syukri Salleh, 2004. *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Snd.Bhd.
- Merriem, S. B. 1998. *Qualitative research and case study application in education. Revised and expanded from case study research in education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass
- Roslan Mohamed. 2003. *Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah persekutuan Kuala Lumpur*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.